

## **SEMAKAN ARAH KIBLAT MASJID-MASJID WARISAN: KAJIAN DI NEGERI MELAKA**

**Mohd Razlan Ahmad**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

**Radzuan Nordin**

Institut Pengurusan Teknologi dan Kemusiaan (IPTK)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka

**Nor Nazmi Razali**

Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka

*Corresponding Author's Email: mrazlan@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Penentuan arah kiblat bagi negara-negara yang jauh dari Masjidil Haram di Mekah memerlukan ilmu dan kemahiran yang khusus terutama dalam bidang ilmu falak. Ini kerana arah kiblat merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam kesempurnaan ibadah umat Islam. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu khususnya di Melaka pada suatu ketika dahulu telah mempengaruhi pembinaan masjid-masjid sebagai wadah kesatuan umat Islam dan pusat penyebaran ilmu. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji arah kiblat masjid-masjid yang berusia melebihi 50 tahun dan masih digunakan sehingga ke hari ini yang dikenal sebagai masjid warisan. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Melaka dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah mendapati arah kiblat masjid-masjid warisan ini tidak menepati arah kiblat sebenar yang telah ditetapkan di Malaysia bagi negeri Melaka iaitu pada azimut  $292^{\circ}$ . Kajian ini memastikan isu mengenai status arah kiblat masjid warisan dapat diselesaikan dengan kaedah semakan dan pengukuran semula yang terkini. Metodologi kajian berasaskan pemerhatian dan penelitian telah dijalankan di 56 buah masjid yang telah diwartakan sebagai masjid warisan oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Hasil daripada kajian ini telah mendapati wujud perselisihan azimut kiblat lama pada masjid warisan tersebut dengan nilai azimut kiblat semasa di antara  $00^{\circ} 00' 11''$  hingga  $17^{\circ} 28' 12''$ . Kajian ini diharap dapat memelihara masjid warisan sebagai pusat penyebaran ilmu dan tempat yang menepati kehendak syariat dengan sempurna.

**Kata Kunci:** Masjid Warisan, Arah Kiblat, Falak, Astronomi, Astrofiqh

## ***REVIEW OF QIBLA DIRECTIONS OF HERITAGE MOSQUES: A STUDY IN THE STATE OF MELAKA***

### **ABSTRACT**

*Determining the direction of Qibla for countries far from the Holy Mosque in Mecca requires specialized knowledge and skills, especially in the field of astronomy. This is because the direction of Qibla is one of the most important elements in the perfection of the worship of Muslims. The arrival of Islam in Malaya, especially in Melaka in the past has influenced the construction of mosques as a vehicle for the unity of Muslims and a center for the dissemination of knowledge. Thus, this study aims to study the Qibla direction of mosques that are over 50 years old and still used to this day known as heritage mosques. Based on a study conducted by the Melaka Mufti Department in collaboration with the Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM) has found that the Qibla direction of these heritage mosques does not meet the actual Qibla direction set in Malaysia for the state of Melaka at an azimuth of 292 °. This study ensures that the issue of the status of the Qibla direction of the heritage mosque can be resolved with the latest review and re-measurement methods. The research methodology based on observation and research was conducted in 56 mosques that have been gazetted as heritage mosques by the Melaka Museum Corporation (PERZIM). The results of this study have found that there is a discrepancy between the old Qibla azimuth in the heritage mosque with the current Qibla azimuth value between 00 ° 00 '11 "to 17 ° 28' 12". This study is expected to preserve the heritage mosque as a center for the dissemination of knowledge and a place that meets the requirements of the Shari'ah perfectly.*

**Keywords:** *Heritage Mosque, Qibla Direction, Astronomy, Astrofiqh*

### **PENGENALAN**

Setiap umat Islam dituntut menjalani ibadah khusus dan umum yang telah ditetapkan dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT. Di antara ibadah yang paling utama ialah kewajipan solat. Dalam kesempurnaan menunaikan ibadah solat, pengetahuan mengenai kedudukan arah kiblat yang betul dan yakin merupakan perkara yang perlu diutamakan. Ini kerana mengetahui arah kiblat yang betul merupakan salah satu daripada syarat sah solat berdasarkan firman Allah swt;

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ  
مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

Terjemahan: “Maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (Kaabah), dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya”

(Surah Al-Baqarah: ayat 150)

Begitu juga hadis Rasulullah saw telah bersabda;

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغِ الوُضُوءَ، ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ

Terjemahan: “Apabila kamu hendaklah bersolat, berwuduklah dengan sempurna kemudian menghadaplah ke kiblat dan bertakbir”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sekiranya umat Islam melaksanakan ibadah-ibadah wajib tersebut tanpa menghadap atau terpesong daripada arah kiblat yang sebenar, maka ibadah yang ditunaikan adalah batal dan tidak sah. Malah boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat akibat kelemahan dalam menentukan arah kiblat yang betul. Selain daripada ibadah solat fardu dan wajib, terdapat juga amalan yang disunatkan menghadap ke arah kiblat antaranya seperti kedudukan jenazah di dalam liang lahad, sembelihan haiwan dan wudu'. Semuanya disunatkan menghadap ke arah kiblat yang betul.

Menurut Baharruddin (2004), arah kiblat dalam perspektif ilmu falak ialah arah yang mengikut jarak terdekat bagi sesuatu kawasan ke arah Kaabah berdasarkan kedudukan di atas glob bumi. Ini menunjukkan mana-mana lokasi di atas muka bumi ini perlu menentukan sendiri arah jarak terdekat kawasan tersebut dengan Kaabah di Mekah. Oleh itu setiap muslim perlu mengetahui kedudukan arah kiblat kerana merupakan tuntutan penting dalam melaksanakan ibadah. Selain daripada itu terdapat juga hadis yang menggambarkan kepentingan arah kiblat sebagai panduan kepada umat Islam sepertimana yang telah disebut oleh Rasulullah SAW;

مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ

Terjemahan: *Diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A berkata sabda Rasulullah SAW; “Di antara timur dan barat terletaknya kiblat”.*

(Riwayat Tirmizi dan Ibn Majah)

Berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadis di atas menunjukkan ketetapan hukum dan panduan arah kiblat bagi umat Islam di dunia ini. Dengan dali-dalil tersebut boleh dijadikan sebagai panduan umum untuk menentukan kaedah yang lebih tepat berpandukan ilmu astronomi pada hari ini (Mustafa Din, 2001). Dalam menentukan ketepatan arah kiblat pada hari ini, para ulama telah membincangkan beberapa jenis ketetapan hukum berkaitan arah kiblat sebagai

panduan umat Islam. Ketetapan hukum ini amat perlu supaya umat Islam jelas dengan hukum menghadap arah kiblat bagi menunaikan ibadah dengan lebih yakin (Hardi, 2019).

Merujuk Unit Falak JAKIM (2007), terdapat beberapa pandangan ulama mengenai arah kiblat ini. Pertama merujuk kepada seseorang yang berada di Makkah atau hampir dengannya, manakala kedua merujuk kepada seseorang yang berada jauh dari Mekah. Para ulamak telah bersepakat bahawa seseorang yang berada di Mekah atau hampir sekitarnya hendaklah menghadap bangunan (*'ain*) Kaabah dengan yakin selagi mana keadaan mengizinkannya untuk berbuat demikian. Manakala, jika keadaan tidak mengizinkan, seseorang itu wajib berjihad untuk menentukan kedudukan menghadap bangunan (*'ain*) Kaabah tersebut dan tidak dikira padanya untuk menghadap arah (*jihah*) kedudukan Kaabah.

Jika seseorang yang berada jauh dari Mekah pula, para ulamak berselisih pendapat sama ada perlu menghadap bangunan (*'ain*) Kaabah atau arah (*jihah*) kedudukan Kaabah sahaja. Maka, majoriti ulamak selain ulamak Shafie menyatakan bahawa seseorang yang berada jauh dari Mekah cukuplah dengan menghadap arah (*jihah*) Kaabah dan tidak wajib menghadap bangunan (*'ain*) Kaabah. Manakala ulamak Shafie pula berpendapat bahawa sebagaimana seseorang yang berada hampir dengan Mekah, hendaklah dia menghadap bangunan (*'ain*) Kaabah tersebut secara yakin. Manakala, jika seseorang itu berada jauh dari Mekah, dia hendaklah menghadap ke arah bangunan (*'ain*) Kaabah secara *dzan* dengan ijtihadnya. (Unit Falak JAKIM, 2007).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kedatangan Islam di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu telah membawa perubahan yang menyeluruh dalam kehidupan masyarakat dari aspek politik, ekonomi, sistem pendidikan dan sistem sosial masyarakat melalui proses transformasi yang sangat penting. Kesan daripada kedatangan Islam tersebut telah membuktikan masyarakat Melayu di nusantara berubah ke arah yang lebih bertamadun (Khairul Azhar, 2019). Di samping itu, kedatangan pedagang-pedagang Islam dari seluruh pelusuk dunia telah menjadikannya sebagai kunci kekayaan ekonomi umat Islam pada ketika itu termasuklah hubungan daulah di antara Kerajaan Kesultanan Melaka dan Kerajaan Uthmaniyah (Mohd Hasanuddin, 2019).

Perkembangan Islam tersebut turut mempengaruhi pembinaan masjid-masjid sebagai wadah kesatuan umat Islam sebagai pusat penyebaran ilmu. Di Melaka masih terdapat beberapa buah masjid lama (dikenal sebagai masjid warisan) yang digunakan oleh masyarakat Islam sebagai pusat interaksi masyarakat.

Masjid-masjid warisan yang masih kukuh sehingga hari ini masih dipelihara sejarahnya di samping dipelihara kesucian dan fungsinya kepada masyarakat. Maka, pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka bersama dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah membuat kajian untuk menyemak semula arah kiblat masjid-masjid warisan yang usianya telah melebihi daripada

50 tahun di seluruh negeri Melaka. Hasil kajian mendapati bahawa arah kiblat masjid berkenaan tidak menepati arah kiblat yang sebenar iaitu azimut kiblat 292°. Arah kiblat sebenar bagi masjid-masjid warisan ini telah ditentukan berdasarkan kaedah pengukuran berasaskan ilmu falak dengan bantuan kemudahan teknologi pada hari ini.

Di antara faktor-faktor yang telah dikenalpasti berlaku perbezaan arah kiblat asal dengan arah kiblat terkini bagi masjid-masjid warisan tersebut adalah kerana keterbatasan peralatan yang canggih dan moden semasa pembinaan masjid tersebut suatu ketika dahulu. Selain itu, kaedah penentuan arah kiblat ketika pembinaan masjid warisan tersebut berpandukan arah matahari terbit dan terbenam di samping tidak merujuk kepada pihak berkuasa agama Islam tempatan semasa mendirikan masjid khususnya dalam menentukan arah kiblat (Nor Nazmi, 2018)

Dalam hal ini, pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menentu dan mengesahkan arah kiblat khususnya bagi pembinaan masjid, surau dan tanah perkuburan Islam di negeri Melaka dengan di bantu oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah melakukan semakan semula arah kiblat masjid-masjid warisan ini berdasarkan arah kiblat yang sebenar iaitu azimut kiblat 292°.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah bersifat kualitatif. Pendekatan adalah secara pemerhatian dan penelitian. Penelitian telah dibuat berdasarkan senarai masjid-masjid yang telah dikategorikan sebagai masjid warisan bagi negeri Melaka oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Menurut Faiz (2020), pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mewartakan sejumlah 56 buah masjid warisan di seluruh negeri Melaka di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka tahun 1988. Terdapat beberapa kriteria yang menentukan masjid itu sebagai masjid warisan berdasarkan enakmen tersebut, antaranya;

- a) Bangunan masjid berkenaan berusia melebihi 50 tahun dan masih mengekalkan ciri-ciri seni bina asal berbentuk empat segi sama, berbumbung 3 tingkat dengan 4 batang tiang utama menampung puncak mahkota.
- b) Bahan binaan yang digunakan masih menggunakan bahan asal seperti bumbung genting tanah liat, mahkota, tiang kayu, mempunyai pintu dan tingkap yang diperbuat daripada kayu, lantai terakota dan lain-lain yang berkaitan.
- c) Terletak di lokasi yang strategik dan pembinaannya menyumbang keharmonian seni bina bangunan persekitaran dan mempunyai sejarah yang penting kepada negeri Melaka, daerah dan kampung.
- d) Kebudayaan bermasyarakat dan hubungan sosial yang masih dikekalkan dan amalan syiar Islam masih dilaksanakan dengan berterusan seperti pengajaran Al-Quran, kelas agama di samping pembelajaran berzanji dan lain-lain yang berlandaskan ajaran Islam di negeri Melaka.

- e) Pihak pengurusan Perbadanan Muzium Melaka akan membuat penilaian dan laporan untuk dibentangkan di peringkat jawatankuasa yang terdiri dari agensi yang berkepakaran untuk mengesahkan dan memastikan bangunan Masjid ini layak untuk diiktiraf sebagai masjid warisan.


Sebanyak 56 buah masjid warisan tersebut telah dipilih untuk proses semakan semula arah kiblat yang dilakukan oleh pihak Jabatan Mufti Melaka dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Kerja-kerja semakan semula arah kiblat masjid-masjid tersebut telah dijalankan bermula tahun 2018 sehingga tahun 2019.

Lokasi kajian yang dipilih tersebut merangkumi 3 buah daerah iaitu Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah. Sepanjang proses semakan dan pengukuran semula dijalankan oleh pihak Jabatan Mufti Melaka dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), pelbagai peralatan yang telah digunakan antaranya *total station*, GPS, pelan titik sempadan yang telah diakses daripada pihak JUPEM dan Kompas Prismatic Ushikata.



**Gambar Rajah 1:** Alat Ukur (*Total Station*) Yang Digunakan Untuk Mengukur Semula Arah Kiblat

Sumber: Sumber: Jabatan Mufti Melaka



M	: Mufti
TM	: Timbalan Mufti
PHEI	: Pegawai Hal Ehwal Islam
PPHEI	: Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
PT	: Pembantu Tadbir
PTP	: Pembantu Tadbir Perkhidmatan

## CARTA ALIRAN PROSES KERJA

### Menyemak/Menentukan Arah Kiblat Masjid-Masjid Warisan Negeri Melaka

Semasa proses semakan dan pengukuran semula arah kiblat dijalankan pihak JUPEM telah menggunakan kaedah cerapan matahari untuk mendapatkan nilai rujukan yang tepat. Cerapan matahari boleh dibuat secara terus di atas mana-mana kawasan yang tidak terlindung dari matahari ataupun di atas datum. Jika kedudukan masjid terlindung daripada cahaya matahari, kaedah menggunakan batu sempadan sebagai rujukan utama akan digunakan. Pihak JUPEM akan membuat satu tanda arah kiblat (tanda tidak kekal) di bahagian *mihrab* masjid dan di bahagian belakang saf terakhir bagi tujuan makluman arah kiblat baharu. Manakala pihak jawatankuasa masjid tidak dibenarkan mengubah kedudukan arah kiblat asal sehingga suatu keputusan rasmi daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka ditetapkan.

### HASIL KAJIAN

Hasil kajian semakan semula arah kiblat masjid warisan telah ditunjukkan dalam tiga jadual yang merangkumi 3 daerah lokasi kajian. Daripada 56 buah masjid warisan yang dikaji, sebanyak 31 buah masjid yang mempunyai nilai selisih azimut kiblat lebih daripada 3°. Jadual 1 menunjukkan nilai selisih azimut kiblat masjid warisan di daerah Jasin. Manakala dalam jadual 2 pula menunjukkan nilai selisih azimut kiblat masjid warisan di daerah Alor Gajah dan jadual 3 menunjukkan nilai selisih azimut kiblat di daerah Melaka Tengah.

Jadual 1 menunjukkan 9 buah masjid warisan yang telah disemak semula arah kiblat bagi daerah Jasin. Nilai selisih azimut kiblat paling kecil ialah 03° 46' 47" iaitu Masjid Nurul Huda Nyalas yang berusia 78 tahun. Manakala nilai selisih azimut kiblat paling besar ialah 17° 28' 12" iaitu Masjid Ayer Barok.

**Jadual 1:** Nilai Selisih Azimut Kiblat Masjid Warisan Di Daerah Jasin

Bil.	Nama Masjid & Usia	Arah kiblat sebenar	Arah kiblat asal*	Nilai selisih azimut kiblat	Tarikh semakan
1.	Masjid Nurul Huda Nyalas (78 tahun)	292° 44' 11"	288° 57' 24"	03° 46' 47"	20.03.2019
2.	Masjid Al Junid Kg. Chin Chin (83 tahun)	292° 47' 28"	288° 50' 47"	03 °56' 41"	21.03.2019
3.	Masjid Al Iffah Seladar (54 tahun)	292° 46' 19"	288° 45' 30"	04 °00' 49"	20.03.2019
4.	Masjid As-Solihin Kg. Sebatu,	292°52' 02"	287°57' 06"	04°54' 56"	19.09.2018



5.	Merlimau, Melaka (117 tahun) Masjid Nurul Iman. Ulu Duyong (73 tahun)	292° 49' 19"	287° 45' 31"	05° 03' 48"	26.03.2019
6.	Masjid Al-Kautsar, Kg Umbai Melaka (161 tahun)	292° 52' 49"	287° 26' 22"	05° 26' 27"	21.02.2019
7.	Masjid Pekan Sg. Rambai, Melaka (85 tahun)	292°52' 00"	284° 35' 58"	08° 16' 02"	19.09.2018
8.	Masjid Kg. Sempang, Merlimau Melaka (115 tahun)	292°52' 24"	282° 12' 16"	10° 40' 08"	19.09.2018
9.	Masjid Ayer Barok	292° 47' 35"	275° 19' 23"	17° 28' 12"	21.03.2019

\*Arah kiblat asal masjid yang diukur semula menggunakan peralatan ukur JUPEM

Sumber: Jabatan Mufti Negeri Melaka



**Gambar Rajah 2:** Masjid As-Solihin Kampung Sebatu (Mula dibina pada tahun 1901)

Sumber: Perbadanan Muzium Melaka (<https://melakaheritage.com/ms/masjid-kampung-sebatu>)

Jadual 2 menunjukkan 7 buah masjid warisan yang telah disemak semula azimuth kiblat bagi daerah Alor Gajah. Nilai selisih azimuth kiblat paling kecil ialah  $03^{\circ} 45' 33''$  iaitu Masjid Lama Kg. Parit Melana yang berusia 93 tahun. Manakala nilai selisih azimuth kiblat paling besar ialah  $14^{\circ} 28' 35''$  iaitu Masjid Kg. Tengah, Masjid Tanah yang berusia 88 tahun.

**Jadual 2:** Nilai selisih azimuth kiblat masjid warisan di daerah Alor Gajah

Bil.	Nama Masjid & Usia	Arah kiblat sebenar	Arah kiblat asal*	Nilai selisih azimuth kiblat	Tarikh semakan
1.	Masjid Lama Kg. Parit Melana Melaka (99 tahun)	$292^{\circ} 48' 37''$	$296^{\circ} 34' 10''$	$03^{\circ} 45' 33''$	28.03.2019
2.	Masjid Pekan Masjid Tanah, Masjid Tanah Melaka (43 tahun)	$292^{\circ} 50' 07''$	$298^{\circ} 10' 39''$	$05^{\circ} 20' 32''$	19.03.2019
3.	Masjid Dato' Dol Said, Taboh Naning Melaka (59 tahun)	$292^{\circ} 50' 07''$	$298^{\circ} 10' 39''$	$05^{\circ} 20' 32''$	24.01.2019
4.	Masjid Kuala Linggi Masjid Tanah, Melaka (83 tahun)	$292^{\circ} 50' 49''$	$287^{\circ} 07' 56''$	$05^{\circ} 42' 53''$	20.09.2018
5.	Masjid Lubuk Redan Masjid Tanah, Melaka (83 tahun)	$292^{\circ} 50' 03''$	$284^{\circ} 30' 38''$	$08^{\circ} 19' 25''$	20.09.2018
6.	Masjid Al-Ehsan, Kg. Londang Masjid Tanah Melaka (88 tahun)	$292^{\circ} 50' 25''$	$284^{\circ} 25' 56''$	$08^{\circ} 24' 29''$	19.03.2019
7.	Masjid Kg. Tengah Masjid Tanah, Melaka (88 tahun)	$292^{\circ} 50' 49''$	$278^{\circ} 22' 14''$	$14^{\circ} 28' 35''$	20.09.2018

\*Arah kiblat asal masjid yang diukur semula menggunakan peralatan ukur  
 Sumber: Jabatan Mufti Negeri Melaka



**Gambar Rajah 3:** Masjid Lama Kg. Parit Melana (Mula dibina pada tahun 1920)

Sumber: Perbadanan Muzium Melaka (<https://melakaheritage.com/ms/masjid-parit-melana>)

Jadual 3 menunjukkan 15 buah masjid warisan yang telah disemak semula arah kiblat bagi daerah Melaka Tengah. Nilai selisih azimut kiblat paling kecil ialah  $03^{\circ} 04' 32''$  iaitu Masjid Imam Al Ghazali, Bakar Batu Bachang yang berusia 123 tahun. Manakala nilai selisih azimut kiblat paling besar ialah  $17^{\circ} 15' 06''$  iaitu Masjid Lama Bukit Bayan.

**Jadual 3:** Nilai selisih azimut kiblat masjid warisan di daerah Melaka Tengah

Bil.	Nama Masjid & Usia	Arah kiblat sebenar	Arah kiblat asal*	Nilai selisih azimut kiblat	Tarikh semakan
1.	Masjid Imam Al Ghazali, Bakar Batu Bachang (123 tahun)	$292^{\circ} 52' 19''$	$289^{\circ} 47' 47''$	$03^{\circ} 04' 32''$	27.02.2019
2.	Masjid Bukit China, Melaka (148 tahun)	$292^{\circ} 52' 40''$	$289^{\circ} 01' 28''$	$03^{\circ} 51' 12''$	26.02.2019
3.	Masjid As-Salihin Paya Rumput Melaka (110 tahun)	$292^{\circ} 50' 20''$	$288^{\circ} 15' 25''$	$04^{\circ} 34' 55''$	28.03.2019
4.	Masjid Klebang Besar (83 tahun)	$292^{\circ} 52' 47''$	$297^{\circ} 53' 27''$	$05^{\circ} 00' 40''$	27.03.2019
5.	Masjid Al-Khairiyah, Telok Mas (187 tahun)	$292^{\circ} 52' 50''$	$287^{\circ} 45' 51''$	$05^{\circ} 06' 59''$	30.01.2019
6.	Masjid Al-Aziz, Kg.	$292^{\circ} 52' 52''$	$287^{\circ} 26' 22''$	$05^{\circ} 26' 27''$	21.02.2019

Pernu Melaka (133 tahun)					
7.	Masjid Kg. Hulu Melaka	292° 52' 45"	286° 42' 41"	06 °10' 04"	27.03.2019
8.	Masjid An Nur Peringgit Melaka (263 tahun)	292° 52'03"	285° 02' 09"	07° 49' 54"	27.02.2019
9.	Masjid Al-Falahin Alai, Melaka (123 tahun)	292°52' 40"	284°55' 30"	07°57' 10"	06.09.2018
10.	Masjid Kg. Kling Melaka (83 tahun)	292° 52'49"	284° 34' 07"	08° 18' 42"	26.02.2019
11.	Masjid Banda Hilir, Melaka (193 tahun)	292° 52'54"	283° 49' 00"	9° 03' 54"	26.02.2019
12.	Masjid Al-Abrar Semabok, Melaka (108 tahun)	292°53' 00"	281°43' 10"	11°09' 50"	06.09.2018
13.	Masjid Pokok Asam (123 tahun)	292° 52'57"	281° 14' 30"	11°38' 27"	05.03.2019
14.	Masjid Jamek Laksamana Hang Tuah Duyong, Melaka	292°52' 11"	278°05' 10"	14°42' 00"	06.09.2018
15.	Masjid Lama Bukit Bayan	292° 51' 28"	275° 36' 22"	17 °15' 06"	26.03.2019

\*Arah kiblat asal masjid yang diukur semula menggunakan peralatan ukur  
 Sumber: Jabatan Mufti Negeri Melaka



**Gambar Rajah 4:** Masjid An Nur Peringgit (Mula dibina pada tahun 1756)  
 Sumber: Perbadanan Muzium Melaka (<https://melakaheritage.com/ms/masjid-an-nur-peringgit>)

## PERBINCANGAN

Berdasarkan semakan arah kiblat asal dan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka dan JUPEM, terdapat nilai selisih yang melebihi 3°. Nilai selisih ini berdasarkan perbezaan nilai azimut kiblat yang baharu dengan nilai azimut kiblat yang asal bagi masjid-masjid warisan tersebut. Perbezaan ini diperolehi setelah dibuat pengukuran semula menggunakan peralatan ukur yang khusus untuk mengukur arah kiblat.

Justeru, pihak jabatan Mufti Negeri Melaka telah menetapkan keputusan untuk mengubah struktur saf di semua 31 buah masjid warisan bagi 3 daerah tersebut mengikut arah kiblat terbaharu selepas pengukuran semula dijalankan. Hal ini merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79, tahun 2007 pada 6 hingga 8 September 2007. Keputusan tersebut telah menyatakan bahawa;

*“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan oleh semua ahli, Muzakarah berpandangan bahawa arah menghadap kiblat merupakan perkara ijtihad dan zanni. Penentuan had tidak melebihi 3° bagi pesongan mihrab yang dibenarkan tidak perlu ditetapkan. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa had berpaling yang dibenarkan dari arah kiblat tidak perlu difatwakan, tetapi boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam pembinaan masjid dan surau baru.”*

Manakala, menurut pandangan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor pula memutuskan bahawa;

- i. Bagi panduan individu yang mendirikan solat, kadar selisih arah kiblat tidak ditentukan kerana nas yang memberikan keluasan selagi mana arah kiblat tidak berada di kiri atau di kanannya.
- ii. Bagi panduan bangunan seperti masjid, surau dan tapak perkuburan, kadar 3° dapat digunakan sebagai panduan selisih arah kiblat berdasarkan kemampuan peralatan falak dalam membuat pengiraan dan pengukuran yang lebih tepat.
- iii. Bagi masjid dan surau yang diubah arah kiblatnya, solat yang telah dilakukan sebelum perubahan kiblat tersebut tidak perlu diqadhakan kerana perubahan itu juga atas dasar *zan*.
- iv. Bagi perkuburan yang salah arah kiblatnya, wajib jenazah yang dikebumikan di tapak perkuburan itu dipalingkan semula ke arah arah kiblat yang baru kecuali kubur lama yang diyakini mayatnya itu sudah reput maka tidak perlu diubah (MJKFNS.BIL.4/2001)



**Gambar Rajah 5:** Kedudukan saf yang betul selepas proses semakan dan pengukuran semula arah kiblat dibuat  
Sumber: Jabatan Mufti Melaka

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian dan proses semakan semula arah kiblat masjid-masjid warisan merupakan satu usaha yang sangat penting yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Mufti Melaka dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Hasil mendapati sebanyak 31 daripada 56 buah masjid warisan mempunyai perbezaan nilai selisih azimut yang melebihi  $3^\circ$  dan perlu kepada perubahan arah kiblat mengikut nilai azimut yang baharu. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan di semua masjid warisan yang terdapat di negara ini. Negeri-negeri lain perlu menjalankan kajian dan semakan semula sepertimana yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Mufti Melaka dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk memastikan nilai-nilai warisan yang tinggi masjid-masjid tersebut dapat dipelihara di samping masjid tersebut dapat menjalankan fungsi sebagai pusat ibadah dan keilmuan masyarakat Islam setempat.

## RUJUKAN

Al-Quran

Baharrudin Zainal. 2004. Ilmu Falak. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faiz Mohd Baharom. 2020. Masjid warisan Melaka: Anugerah tidak ternilai. Ruangan: Warisan. Dewan Budaya. Jil. 42. Bil. 10/2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hardi Mohammad Sadali. 2019. Praktik penentuan arah kiblat. Koleksi Kertas Kerja Falak Negeri Melaka. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Khairul Azhar Meerangi. 2019. Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka. Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 14 (2), 2019, 65-74.

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor. 2001. Hukum mengebunkan jenazah mengadap kiblat. Bil.4. Fatwa

- Tahunan: Keputusan Fatwa (Tidak Diwartakan), Jabatan Mufti Negeri Selangor. 30 September 2001. <https://www.muftiselangor.gov.my/>
- Mohd Hasanuddin Mohd Yusof. 2019. Menjejak hubungan dulah Uthmaniyah & kesultanan Melaka. Cetakan kedua. Seremban: Penerbit Alami Sdn. Bhd.
- Mustafa Din. 2001. Kaedah panduan falak syarie. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Nor Nazmi Razali. 2018. Kertas cadangan kajian semakan arah kiblat masjid-masjid warisan negeri Melaka. Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Tafsir Pimpinan al-Qur'an Kepada Pengertian al-Qur'an. 1987. Ed. ke-8. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Falak JAKIM. 2007. Kertas Cadangan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali ke-79 tahun 2007 pada 6-8 September 2007. Dalam Hardi Mohammad Sadali, 2019.